

**Nestlé sasar bantu lebih daripada 230,000 rakyat Malaysia dengan usaha bantuan COVID-19 bernilai RM15 juta**  
*#Semogadipermudahkan*

**PUTRAJAYA, 13 April 2020** – Nestlé Malaysia berikrar untuk membantu lebih 200,000 orang rakyat Malaysia melalui program bantuan segera bagi menangani wabak COVID-19 dan program bagi menyokong kelangsungan perusahaan kecil dan sederhana, serta kumpulan berpendapatan rendah yang terkesan. Nestlé Malaysia akan memberikan sumbangan berjumlah RM15 juta yang akan disalurkan melalui inisiatif *Nestlé Cares* serta pelbagai inisiatif lain oleh jenamanya sebagai usaha menangani pandemik COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, Encik Juan Aranols, berkata, “Kami sedar bahawa mengembalikan keadaan seperti sedia kala selepas tempoh PKP berakhir bukanlah mudah kerana ramai rakyat Malaysia akan berdepan kehilangan pekerjaan dan banyak perniagaan kecil akan menghadapi cabaran. Inilah masanya kami memberikan bantuan kepada mereka dan kami berikrar untuk membantu lebih 200,00 orang rakyat Malaysia. Fasa pertama yang memberi tumpuan kepada bantuan segera menerusi kerjasama kami dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) dan memberikan pelbagai sumbangan makanan kepada barisan hadapan serta mereka yang memerlukan sudah pun dijalankan. Fasa kedua akan memberi tumpuan kepada langkah-langkah membantu kelangsungan hidup komuniti yang paling terkesan akibat wabak ini. Secara ringkasnya, usaha kami adalah untuk membantu mereka yang paling terkesan akibat krisis COVID19 ini untuk kembali menjalani kehidupan seperti biasa. Kami berikrar akan menyalurkan RM15 juta kepada dana program bantuan ini.”

**Nestlé Cares Fasa 1: Bantuan segera dalam menangani kesan wabak COVID-19**

Dalam fasa pertama inisiatif *Nestlé Cares*, Kumpulan telah menyahut seruan #responsMALAYSIA dan telah berganding bahu dengan Persatuan Bulan Sabit

Merah Malaysia (PBSM) bagi menghulurkan sumbangan tunai berjumlah RM1 juta melalui inisiatif #responsMALAYSIA. Sumbangan ini akan digunakan untuk menaik taraf peralatan perubatan kecemasan kritikal di dalam ambulans PBSM, yang menawarkan perkhidmatan pengangkutan pesakit ke hospital-hospital yang telah ditetapkan bagi merawat pesakit COVID-19 di Lembah Klang. Sumbangan sebanyak **RM600,000** juga telah diberikan bagi tujuan pengedaran 10,000 bungkus makanan *Nestlé Family* kepada masyarakat yang terkesan menerusi rangkaian PBSM dan rakan NGO di seluruh negara. Selain sumbangan ini, Nestlé turut menyalurkan lebih RM500,000 untuk sumbangan produk makanan dan minuman kepada petugas barisan hadapan di hospital-hospital, pusat-pusat kuarantin, dan juga para pelajar universiti menerusi Yayasan Food Bank Malaysia. Ini akan membawa kepada jumlah sumbangan sebanyak RM2 juta dari Nestlé Malaysia.

Mengulas mengenai kerjasama dengan Nestlé Malaysia, Pengerusi PBSM, YTM Dato' Seri Di Raja Tan Sri Tunku Intan Safinaz binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, berkata, "Sebagai Pengerusi dan bagi pihak ahli dan sukarelawan PBSM, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Nestlé Malaysia di atas sumbangan dan sokongan mereka terhadap inisiatif #responsMalaysia. PBSM juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjemput lebih banyak syarikat perniagaan bagi memberi sokongan yang amat diperlukan kepada petugas barisan hadapan negara kita dan mereka yang amat terjejas akibat wabak COVID-19. Misi utama kami adalah untuk menyatukan Syarikat Korporat, NGO dan orang ramai dari segenap sektor dan lapisan masyarakat dalam usaha menyokong para petugas barisan depan, serta berganding bahu dalam mengatasi ancaman global ini dan seterusnya menjadikan negara kita sebuah syurga berbilang kaum yang aman dan makmur seperti kita ketahui dan cintai selama ini."

### **Nestlé Cares Fasa 2: Bantuan untuk menyokong kelangsungan hidup**

Fasa kedua membantu menangani isu-isu sosioekonomi yang penting termasuk kehilangan mata pencarian bagi kumpulan B40 dan komuniti berpendapatan rendah, serta perusahaan kecil dan sederhana yang paling terkesan.

Menerusi jenama-jenama ikonik seperti MILO, MAGGI atau NESCAFÉ, dan akan menerajui inisiatif bagi mewujudkan peluang pekerjaan buat komuniti B40, di samping

memberi sokongan kepada pembekal dan penjual tempatan dalam rantai nilai Nestlé yang terjejas, seterusnya memastikan mereka dapat mengekalkan kesinambungan perniagaan semasa penularan wabak COVID-19. Ini termasuk PKS, pengedar, pengendali restoran makanan dan minuman, dan pemilik kedai kopi. Program pengagihan makanan akan turut dilaksanakan untuk kumpulan B40 dan keluarga berpendapatan rendah serta para pelajar yang kurang bernasib baik dan petugas barisan hadapan di seluruh negara.

Di samping itu, pembiayaan tambahan turut diperuntukkan bagi memberi bantuan kewangan kepada pertubuhan-pertubuhan amal di seluruh negara, menerusi peraduan terbesar Nestlé yang sedang diadakan pada masa ini – Peraduan Nestlé Gaji Seumur Hidup.

“Kami komited dalam memainkan peranan yang penting dalam membantu negara menangani wabak ini dan kami sedang memperuntukkan pelaburan yang besar dan sumber yang penting dalam menyokong rakyat Malaysia yang paling terdedah dan terkesan di dalam negara, dengan membantu mereka mengharungi cabaran yang amat getir ini. Dengan pelaksanaan inisiatif *Nestlé Cares*, kami berharap agar kami dapat memainkan peranan dalam memupuk kesan sosioekonomi positif yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia pada masa ini serta dalam jangka masa yang panjang, dan seterusnya menyumbang kepada pemulihan negara,” jelas Encik Aranols.

*#Semogadipermudahkan*

#### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

---

#### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi**

**Maxine Lim**

Nestlé (Malaysia) Berhad  
Tel: (+603) 7965 6650  
+6012-353 1337

**Alya Nurina atau Yasmin Kadir**

acorn communications  
Tel: (+603) 7958 8348  
+6010 -221 8216 (Alya) atau

E-mel: [Maxine.Lim@my.Nestlé.com](mailto:Maxine.Lim@my.Nestlé.com)

+6017 237 9048 (Yasmin)  
E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)